

# SHINE HEPAVITE FORTE CAPSULE

Silymarin/Vitamin B1/Vitamin B2/Vitamin B3/Vitamin B5/Vitamin B6 (150mg/3.9mg/4mg/12mg/8mg/4mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Shine Hepavite Forte Capsule
2. Bagaimana Shine Hepavite Forte Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule
4. Cara menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule
5. Semasa menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Shine Hepavite Forte Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

## Apakah kegunaan Shine Hepavite Forte Capsule

Shine Hepavite Forte Capsule digunakan sebagai rawatan sokongan untuk membantu meningkatkan kesihatan hati, terutamanya dalam keadaan seperti masalah hati jangka panjang, parut pada hati (sirosis), hati berlemak, atau apabila hati terjejas oleh bahan berbahaya (contohnya toksin, alkohol atau ubat-ubatan tertentu).

## Bagaimana Shine Hepavite Forte Capsule berfungsi

Silymarin membantu melindungi dan membaiki sel-sel hati serta menyokong fungsi detoks semula jadi hati, manakala vitamin B (B1, B2, B3, B5 dan B6) membantu tubuh menghasilkan tenaga serta membantu hati dalam memproses lemak, protein dan bahan berbahaya. Secara bersama, ia menyokong fungsi hati secara keseluruhan, terutamanya apabila hati berada dalam keadaan tertekan atau terjejas oleh penyakit atau toksin.

## Sebelum menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada silymarin, vitamin B (B1, B2, B3, B5 dan B6) atau mana-mana bahan lain dalam ubat ini (seperti yang disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

### - Sebelum menggunakannya

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan lain.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

### - Mengandung dan menyusukan anak

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule

### - Berapa banyak harus digunakan

1 kapsul, 3 kali sehari bergantung kepada keterukan kes.

### - Bila perlu digunakan

Shine Hepavite Forte Capsule perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda, sebaiknya bersama makanan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Shine Hepavite Forte Capsule perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos Shine Hepavite Forte Capsule dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

### - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule

### - Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Shine Hepavite Forte Capsule.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Shine Hepavite Forte Capsule kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan ambil melebihi dos yang disyorkan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Shine Hepavite Forte Capsule boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Tarikh kemas kini RiMUP**  
07/05/2026

**Nombor Siri**  
NPRA(R4/1)160426/00019

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Shine Hepavite Forte Capsule**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

#### **- Pelupusan**

Shine Hepavite Forte Capsule tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Kapsul sayuran berwarna merah, mengandungi serbuk berwarna kuning.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

##### **- Bahan aktif**

Silymarin, Vitamin B1, Vitamin B2, Vitamin B3, Vitamin B5, Vitamin B6

##### **- Bahan tidak aktif**

Cyanocobalamin, Colloidal Silicon Dioxide, Talc, Magnesium Stearate, Microcrystalline Cellulose

#### **- Nombor MAL**

MAL08051676X

### **Pengilang**

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.  
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN. BHD.  
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,  
Kawasan Perindustrian Bandar Baru  
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.